

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



**Kata-kata Aluan daripada Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad,
Perdana Menteri Malaysia**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Amalgamated Steel Mills Sdn. Bhd. kerana menjemput saya untuk memberi kata-kata aluan sempena pembukaan Syarikat ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Lembaga Pengarah dan semua kakitangan Syarikat ini di atas kejayaan mereka.

Dengan tertubuhnya sebuah lagi kilang besi di negara kita ini bererti bahawa ianya akan membantu dalam usaha-usaha kita untuk mengeluarkan barang-barang besi bagi memenuhi keperluan negara. Di samping itu pula industri-industri seumpama ini akan menolong mempercepatkan lagi proses pembangunan ekonomi negara kita khususnya dalam menubuhkan industri-industri berat. Penubuhan Amalgamated Steel Mills Sdn. Bhd. ini adalah sesuai dan kena pada tempatnya oleh kerana di bawah Rancangan Malaysia Keempat keutamaan juga akan diberikan kepada penubuhan dan perkembangan industri-industri berat di negara kita.

Saya berasa gembira bahawa kilang ini adalah usahasama Lion Group of Companies dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Dengan tertubuhnya kilang ini ia bukan sahaja membuka peluang-peluang pekerjaan tetapi juga merupakan sebagai peringkat permulaan ke arah perkembangan perindustrian yang lebih besar lagi. Selain daripada itu memandangkan bahawa Lembaga Tabung Amanah Tentera adalah menjadi rakan di dalam Syarikat ini, usaha-usaha hendaklah dijalankan untuk memberi peluang kepada bekas-bekas perajurit kita mendapat latihan di dalam bidang-bidang tertentu dan seterusnya dipertimbangkan untuk bekerja dengan Syarikat ini.

Akhir kata saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada Lembaga Pengarah dan semua kakitangan Syarikat Amalgamated Steel Mills Sdn. Bhd. di atas perasmian Syarikat ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mahathir'.

**Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad
Perdana Menteri Malaysia.**